

Batu pyrite mudah dijumpai di Malaysia

KUALA LUMPUR - Batu-batu kecil yang disangka sebagai emas sehingga mencestuskan keghairahan di Marang, Terengganu pada Rabu lalu sebenarnya adalah sejenis batu *pyrite* yang tidak mempunyai harga atau nilai di pasaran.

Menurut seorang pakar geologi, **Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo**, batu tersebut yang merupakan bahan mineral daripada besi dan sulfida mempunyai warna seperti emas.

"Batu ini mudah dijumpai pada semua

jenis batuan di Malaysia, sama ada banyak atau sedikit serta saiz hablurnya besar atau kecil.

"Batu itu tidak mempunyai nilai yang tinggi seperti emas tetapi dengan jumlah yang banyak ia boleh menjadi bijih besi atau sulfida," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata, dakwaan yang mengatakan terdapat batu *pyrite* yang mengandungi emas tidak boleh diterima kerana jarang bahan tersebut ditemui di negara ini.

"Pakar-pakar dapat membezakan batu *pyrite* dengan emas menerusi perbandingan ciri-ciri asas termasuklah warna, coretan dan ketumpatannya. Emas juga tidak membentuk hablur seperti batu *pyrite*," jelasnya.

Bagaimanapun, Ibrahim menyarankan supaya batu tersebut dihantar ke makmal untuk diuji bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalangan orang ramai.